

## Program "Jom Sihat"

Program Jom Sihat telah dijalankan pada 10 Ogos 2017 dan dirasmikan oleh Dr. Manimaran Krishnan, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) bertempat di SMK Convent Sentul, Kuala Lumpur. Program ini dikendalikan oleh pelajar tahun 3 Bachelar Sains Pemakanan dan Kesihatan Komuniti, UPM yang kini sedang menjalani latihan industri (praktikal) di MySihat.

Program "Jom Sihat" ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan memupuk sikap pelajar tentang pemakanan sihat dan cara hidup sihat. Antara aktiviti lain adalah adalah ceramah pemakanan sihat suku suku separuh oleh Pegawai Pemakanan KKM, Pameran Makan Sihat oleh Jabatan Kesihatan Wilayah KL, kajian soal selidik intervensi program, kuiz serta permainan kesihatan dan sebagainya kepada para pelajar tingkatan 1.

Seperti sedia maklum, Kempen Suku Suku Separuh dijalankan secara intensif bermula Ogos 2017 dengan melibatkan pelbagai kementerian khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia. Objektif program pada hari ini adalah selari dengan Kempen Suku Suku Separuh dgn cara meningkatkan kesedaran dan kemahiran rakyat tentang amalan makan secara sihat seterusnya mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit (NCD).













